

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 OCTOBER 2016

Bajet 2017 imbangi kesejahteraan rakyat – Najib

UM- 11/10/2016

BANGKOK 10 Okt. - Bajet 2017 akan mengambil kira bukan sahaja aspek kesejahteraan rakyat tetapi juga diimbangi dengan kemampuan negara mengharungi pembangunan masa depan dalam keadaan ekonomi dunia yang belum memberangsangkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, hasil daripada maklum balas yang diterima daripada orang ramai mengenai bajet yang akan dibentangkan tidak lama lagi, kerajaan mengetahui keperluan rakyat dan bagaimana untuk membantu mereka.

"Tentu sekali bajet kali ini akan mengambil kira soal menangani kos sara hidup, perumahan terutama untuk pembeli pertama, mewujudkan lebih banyak insentif untuk perniagaan dan juga keperluan sosial lain," katanya kepada wartawan Malaysia ketika ditanya mengenai persediaan Bajet 2017 di sini hari ini.

Menurut Najib, bajet itu juga perlu memastikan sesebuah kerajaan dapat terus membangun walaupun suasana ekonomi global tidak menentu dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi mampan dan sihat.

"Sudah tentu ia bajet yang membolehkan peluang-peluang pekerjaan terus bertambah dan pendapatan rakyat terus mening-



**MOHD. RIDZWAN
MD. IMAN**

Melaporkan dari **BANGKOK, THAILAND**

kat," kata Perdana Menteri yang sebelum itu menyampaikan ucapan dalam Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) kedua.

Ditanya adakah kumpulan berpendapatan sederhana akan terus dibantu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, sememangnya banyak perkara yang perlu dilakukan tetapi kerajaan perlu melihat kemampuan kewangan negara dengan turut mengambil kira pengurusan hutang dan dasar fiskal dengan cara berhemat.

"Begitu banyak perkara yang kami mahu lakukan tetapi terdapat banyak kekangan, jadi kami perlu menguruskan dengan cara yang paling kreatif untuk membantu rakyat dan pada masa yang sama dapat menguruskan kedudukan kewangan dengan cara yang bertanggungjawab," katanya.

Najib berkata, persediaan pembentangan bajet kali ini berjalan lancar dengan mengambil kira pendekatan perancangan yang lebih luas seperti melihat unjuran kewangan dan prospek ekonomi 2017 serta tahun-tahun

selepasnya.

"Kita juga perlu memastikan mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan sebelum ini seperti matlamat kewangan dan parameter bagi 2016 untuk dilaporkan kepada rakyat dan Parlimen," tambahnya.

Katanya, beliau akan melihat semua keperluan pelbagai sektor dalam jangka masa pendek dan sederhana bagi membolehkan negara menghadapi cabaran-cabaran yang bakal dijangka.

"Saya akan mengadakan sesi khas dengan menteri dan pegawai pelbagai kementerian bagi mengetahui keperluan-keperluan dan aspirasi mereka dalam bajet kali ini dan melihat sama ada kerajaan mampu merealisasikan dengan keadaan kemampuan sekarang," katanya.

Najib berkata, kerajaan juga perlu melihat jenis-jenis cukai yang boleh dilaksanakan di sektor awam dan korporat, selain melihat semula kedudukan pendapatan negara dari pelbagai sumber.

Katanya, kerajaan akan melihat kesemua faktor dan membuat keputusan terbaik dengan mengambil kira pelbagai faktor di luar kawalan seperti harga komoditi yang rendah dan kadar pemulihan negara-negara maju yang masih perlahan. - UTUSAN